

07 APR 1999

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SABAH DITUNDA

KOTA KINABALU, 7 April (Bernama) -- Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah selama tiga hari yang dijadual bermula Sabtu ini ditunda ke satu tarikh yang belum ditentukan.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata penundaan itu dibuat setelah Perdana Menteri kini berada di Institut Jantung Negara (IJN) untuk rawatan penyakit bronkitis dan dinasihatkan oleh doktor supaya banyak berehat.

"Tarikh baru lawatan beliau ke Sabah akan diketahui seawal-awalnya minggu depan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri hari ini.

Mengikut atur cara awal, pada hari pertama Dr Mahathir akan melawat Ranau, 90km dari sini, untuk bertemu penduduk di situ setelah tidak dapat berbuat demikian semasa kempen pilihan raya negeri bulan lepas akibat cuaca buruk.

-- BERNAMA

NT MAI